

Berita Harian (Masaam) 12/3/2022 (Sabtu) m/s: 19



Peserta yang menyertai Program Latihan Kemahiran dan Keusahawan empower Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) di Bera. (Foto UMP Advanced)

Peserta empower ECER Bera tawar khidmat percuma kepada warga emas

Bera: Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) dengan kerjasama UMP Advanced Education mengadakan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) melalui Program Latihan Kemahiran dan Keusahawan empower ECER di Pusat Kebajikan Warga Emas Sang Riang Triang, di sini, baru-baru ini.

Ketua Jabatan Pembangunan Komuniti UMP Advanced Saharudin Ramli, berkata tujuan program itu diadakan adalah untuk memberi peluang kepada pe-

serta menunjukkan kemahiran masing-masing hasil daripada latihan yang diterima dan seterusnya disumbangkan semula kepada masyarakat.

Katanya, program seumpama itu adalah medium terbaik kepada UMP Advanced bagi mewartarkan kepada masyarakat mengenai penawaran program empower ECER.

"Sebenarnya, program ini mula diperkenalkan di daerah Bera pada 2015 dan melatih seramai 550 peserta sehingga kini.

"Program seperti ini amat ber-

guna bagi membimbing dan meningkatkan kemahiran usahawan supaya lebih kreatif dan inovatif di dalam menawarkan sesuatu produk atau perkhidmatan, serta seterusnya dapat memberikan peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat," katanya.

Pada program itu, seramai 30 peserta dari Kursus Bakeri Pastrri Tradisi dan Moden, Masakan dan Pembungkusan Komersial dan juga Kursus Urutan Dan Bekam menyertai program CSR itu.

Peserta program turut mengadakan sesi gotong-royong mem-



Seorang warga emas menerima cenderamata daripada empower Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) di Bera. Foto UMP Advanced

bersihkan kawasan sekitar rumah kebajikan menawarkan khidmat urutan kepada warga emas dan mengagihkan hasil produk makanan peserta kepada 100 warga emas.

Seorang peserta, Rabiah Long yang mengambil kursus Masakan dan Pembungkusan Komersial, berkata sejak menyertai latihan tahun lalu, beliau yang juga suri rumah kepada lima anak kini mampu menjadikan bidang

masakan sebagai punca pencarian keluarga.

"Di samping itu juga berkeupayaan menghasilkan produk yang berkualiti untuk pasaran tempatan," katanya.

Program empower ECER Bera bukan sahaja menawarkan kursus untuk melahirkan usahawan tetapi turut menawarkan kursus teknikal yang memberikan peluang pekerjaan dalam industri khususnya minyak dan gas.